PHAM VAN THOUNG & YANG LAIN lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
ABDUL WAHAB MOHAMED PK
[RAYUAN JENAYAH NO: TA-42ES-6-06-2018]
31 MAC 2019

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Perikanan 1985 – Seksyen 14(3)(b) – Perayu-perayu warga Vietnam – Kesalahan menukar nombor asal vesel untuk menyamar sebagai bot nelayan tempatan berlesen – Pengakuan bersalah – Rayuan terhadap hukuman denda dan pelucuthakkan vesel – Sama ada jurubahasa berkebolehan disediakan – Sama ada perayu-perayu memahami sifat dan akibat pengakuan salah – Sama ada vesel digunakan untuk melakukan satu kesalahan – Sama ada mahkamah mempunyai kuasa untuk memerintahkan pelucuthakkan vesel – Sama ada hukuman yang dijatuhkan munasabah – Akta Perikanan 1985, ss. 25(a), 34 & 52*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Rayuan – Perayu-perayu warga Vietnam – Kesalahan menukar nombor asal vesel untuk menyamar sebagai bot nelayan tempatan berlesen – Pengakuan bersalah – Rayuan terhadap hukuman denda dan pelucuthakkan vesel – Sama ada perayu-perayu memahami sifat dan akibat pengakuan salah – Sama ada vesel digunakan untuk melakukan satu kesalahan – Sama ada mahkamah mempunyai kuasa untuk memerintahkan pelucuthakkan vesel – Sama ada hukuman yang dijatuhkan munasabah – Akta Perikanan 1985, ss. 14(3)(b), 25(a), 34 & 52*

Pengadu, seorang pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ('APMM') telah menahan bot nelayan yang dinaiki perayu-perayu. Perayu-perayu mengemukakan lesen penangkapan ikan kepada pengadu tetapi pemeriksaan yang dijalankan ke atas bot nelayan tersebut menimbulkan syak bahawa bot itu sebuah bot nelayan asing. Siasatan seterusnya menunjukkan, walaupun lesen yang dikemukakan oleh perayu-perayu adalah lesen asal, namun gambar vesel dalam buku lesen itu bukan gambar vesel asal sebagaimana yang terdapat dalam rekod Pejabat Perikanan. Keterangan membuktikan perayu-perayu telah menukar nombor asal vesel mereka untuk tujuan menyamar sebagai bot nelayan tempatan yang dilesenkan. Oleh itu, perayu-perayu dipertuduh di Mahkamah Sesyen, bawah s. 14(3)(b) Akta Perikanan 1985 ('Akta') dibaca bersama-sama dengan s. 23(1) Akta dan boleh dihukum bawah s. 25(a) dibaca bersama-sama dengan s. 34 Akta. Perayu-perayu mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut dan: (i) perayu pertama dijatuhkan hukuman denda RM500,000, jika tidak bayar penjara satu tahun; (ii) perayu-perayu kedua hingga ke-19 dijatuhkan hukuman denda RM50,000, jika tidak bayar penjara enam bulan setiap seorang; dan (iii) ekshibit P16 hingga P26 dan P28, termasuk vesel, dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia. Perayu-perayu merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS'). Isu-isu untuk pertimbangan mahkamah ialah:

A (i) perayu-perayu tidak memahami sifat dan akibat pengakuan salah kerana mereka merupakan warganegara Vietnam; dan (ii) pelucuthakkan vesel tidak mandatori bagi kesalahan terhadap perayu-perayu.

Diputuskan (menolak rayuan):

B **(1)** Responden menyediakan seorang jurubahasa Vietnam, Encik Salim, yang pernah hadir sebagai Jurubahasa Asing Lantikan Mahkamah ('JALM') dalam satu kes lain, untuk membantu prosiding kes ini. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan berpuas hati dengan kelayakan Encik Salim menterjemah Bahasa Melayu ke Bahasa Vietnam dan sebaliknya sebelum melantik beliau sebagai JALM. Oleh itu, C keupayaan atau kebolehan jurubahasa Vietnam menterjemahkan segala prosiding dalam kes ini tidak sepatutnya dipertikaikan oleh perayu-perayu kerana Encik Salim telah mengangkat sumpah untuk menjalankan penterjemahan secara benar dan adil. (perenggan 11 & 13)

D **(2)** Perayu-perayu telah diterangkan tentang hukuman yang boleh dijatuhkan dan juga fakta bahawa bot yang dinaiki perayu-perayu pada masa kejadian bersama-sama segala peralatan di atasnya boleh dilucut hak jika mereka mengaku salah. Perayu-perayu telah mengakui fakta yang dibacakan kepada mereka sebagai benar dan mengaku bersalah secara sendiri. Pada peringkat rayuan untuk meringankan hukuman, E perayu-perayu mengatakan bahawa perayu-perayu tidak mengetahui mengenai ubah suai nombor vesel, iaitu selepas perayu-perayu mengaku bersalah dan mengakui fakta kes setelah dibacakan bukan merupakan pengakuan bersyarat. Keputusan HMS mensabitkan perayu-perayu dengan kesalahan yang dipertuduhkan adalah jelas, sempurna dan sah. F Tiada sebarang kecacatan atas keputusan HMS yang boleh mendatangkan ketidakadilan atau memprejudiskan perayu-perayu. (perenggan 18 & 19)

(3) HMS memerintahkan agar vesel dan barangan lain disita dan dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia untuk mengekang kesalahan G yang serupa berterusan. Faktor penentu adalah sama ada HMS berpuas hati bahawa kapal tersebut adalah subjek atau digunakan dalam melakukan sesuatu kesalahan. Walaupun pertuduhan bukan bawah peruntukan s. 52 Akta, vesel tersebut digunakan untuk melakukan kesalahan memasuki perairan Malaysia dengan menggunakan huruf, H nombor dan cara pengenalan satu vesel penangkapan ikan yang lain. Oleh itu, mahkamah mempunyai kuasa untuk memerintahkan pelucuthakkan vesel tersebut sebagaimana diperuntukkan bawah s. 34 Akta. Berikutan itu, rayuan perayu-perayu berkaitan isu ini tidak bermerit. (perenggan 25 & 27)

I **(4)** Mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengubah atau mengganggu bentuk dan tempoh hukuman oleh mahkamah bicara jika mematuhi prinsip undang-undang berkaitan dengan hukuman, kecuali hukuman tersebut terlalu ringan atau terlalu berat. Hukuman yang

dikenakan terhadap perayu-perayu adalah munasabah, dalam lingkungan bentuk hukuman yang ditetapkan dalam s. 25(a) Akta, tidak terlalu ringan dan tidak terlalu berat dan sah. Sehubungan itu, tidak ada sebab untuk mengganggu atau mengubah hukuman yang telah dijatuhkan oleh HMS. (perenggan 30 & 36)

Kes-kes yang dirujuk:
Adam Atan v. PP [2009] 1 CLJ 33 CA ***(dirujuk)***
Fong Hong Sium v. PP [1950] 1 LNS 17 HC ***(dirujuk)***
Iwan Bujang Dara & Anor v. PP [2017] 1 LNS 285 CA ***(dirujuk)***
Lee Weng Tuck & Anor v. PP [1989] 2 CLJ 120; [1989] 1 CLJ (Rep) 75 SC ***(dirujuk)***
Mohamed Jusoh Abdullah & Anor v. PP [1947] 1 LNS 73 ***(dirujuk)***
Nesa Gandh Batumalai v. PP [2018] 10 CLJ 562 HC ***(dirujuk)***
PP v. Ling Leh Hoe [2015] 4 CLJ 869 CA ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***
PP v. Muhammad Kasyfullah Kassim [2017] 1 CLJ 63 CA ***(dirujuk)***
PP v. Sulaiman Ahmad [1992] 4 CLJ 2283; [1992] 3 CLJ (Rep) 447 HC ***(dirujuk)***
Sau Soo Kim v. PP [1975] 1 LNS 158 FC ***(dirujuk)***
Tan Van Chieu & Ors v. PP [2016] 6 CLJ 841 CA ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 173(b), 305
Fisheries Act 1985, ss. 14(3)(b), 24(1), 25(a), 34, 52(1)(a)
Oaths And Affirmations Act 1949, s. 6(1)

Bagi pihak respondan - Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Cawangan Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri; TPR
Bagi pihak perayu - T/n Rafaei & Co

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Kuala Terengganu; No KT: 62ES-11-06-2018.]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Abdul Wahab Mohamed PK:

Pengenalan

[1] Pham Van Thoung yang merupakan perayu dalam rayuan ini bersama-sama 18 lagi telah merayu ke atas keputusan Hakim Mahkamah Sesyen terpelajar (HMS) yang telah menjatuhkan hukuman denda RM500,000 jika tidak bayar penjara selama satu tahun ke atas perayu dan vesel dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia. Saya telah mendengar rayuan perayu pada 11 Februari 2019 dan membuat keputusan bahawa keputusan HMS dikekalkan dan rayuan perayu ditolak. Tidak berpuas hati ke atas keputusan ini, hanya perayu telah memasukkan rayuan.

[2] Pertuduhan yang dihadapkan ke atas perayu adalah seperti berikut:

Bahawa kamu bersama-sama pada 30 Mei 2018 jam lebih kurang 0740H di atas vesel penangkapan ikan bernombor PAF 4692 di kawasan garis lintang 06 darjah, 4 minit dan 40.8 saat utara, garis bujur 103 darjah,

A 36 minit dan 49.7 saat timur iaitu 52.2 batu nautika dari Kuala Terengganu, Terengganu, di dalam perairan perikanan Malaysia, adalah didapati telah menggunakan huruf, nombor dan cara pengenalan suatu vesel penangkapan ikan yang lain iaitu dengan nombor pendaftaran PAF 4692. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 14(3)(b) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) yang dibaca bersama
B seksyen 23(1) Akta yang sama dan boleh dihukum di bawah seksyen 25(a) dibaca bersama seksyen 34 Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Ringkasan Fakta Kes

[3] Pada waktu kejadian iaitu pada 30 Mei 2018 jam lebih kurang 7.40am
C pengadu yang merupakan seorang pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah menahan bot nelayan yang dinaiki oleh perayu dan 18 (OKT) lagi di tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan telah mengemukakan lesen penangkapan ikan kepada pengadu tetapi pemeriksaan yang dijalankan ke atas bot nelayan tersebut telah menimbulkan syak yang
D ia adalah sebuah bot nelayan asing. Siasatan yang dijalankan seterusnya mendapati walaupun lesen yang dikemukakan oleh perayu itu adalah lesen yang asal, namun gambar vesel yang terdapat dalam buku lesen itu bukan gambar vasel yang asal sebagaimana yang terdapat dalam rekod pejabat perikanan. Keterangan yang diperolehi semasa siasatan membuktikan perayu telah menukar nombor asal vesel mereka iaitu KG 94155 kepada PAF 4692
E bagi tujuan menyamar sebagai bot nelayan tempatan yang dilesenkan.

[4] Perayu dan 18 OKT lagi telah mengaku salah ke atas pertuduhan pada 11 Jun 2018 dan dijatuhkan hukuman seperti berikut:

(i) Perayu dihukum denda RM500,000 jika tidak bayar penjara selama satu
F tahun.

(ii) 18 OKT dihukum denda RM50,000 jika tidak bayar penjara enam bulan setiap seorang.

(iii) Ekshibit P16 hingga P26 dan P28 (termasuk vesel) dilucut hak kepada
G Kerajaan Malaysia.

Peruntukan Undang-undang

[5] Peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam pertuduhan tersebut adalah seperti berikut:

H (i) Seksyen 14(3)(b) Akta Perikanan 1985

> Where any fishing vessel uses the letters, numbers of other means of identification of another fishing vessel, the owner, master and every member of the crew of the fishing vessel using such letters, numbers or other means of identification shall each be guilty of an offence.

I (ii) Seksyen 24(1) Akta Perikanan 1985

> Where there has been a contravention of any provision of this Part or subsidiary legislation made for the purposes of this Part, the owner, master and every member of the crew of the foreign fishing vessel concerned shall each be guilty of an offence.

(iii) Seksyen 25(a) Akta Perikanan 1985

> Any person who contravenes or fails to comply with any provision of this Act shall be guilty of an offence and where no special penalty is provided in relation thereto, such person shall be liable:
>
> (a) where the vessel concerned is a foreign fishing vessel or the person concerned is a foreign national, to a fine not exceeding one million ringgit each in the case of the owner or master, and one hundred thousand ringgit in the case of every member of the crew;

(iv) Seksyen 34 Akta Perikanan 1985

> Where it is proved to the satisfaction of a court that any vessel, vehicle, article or thing seized under this Act was the subject matter of, or was used in the commission of, and offence under this Act, the court may order the forfeiture of such vessel, vehicle, article or thing notwithstanding that no person may have been found guilty of such offence.

Isu

(a) Perayu tidak memahami sifat dan akibat pengakuan salah kerana mereka merupakan warganegara Vietnam; dan

(b) Pelucuthakan vesel adalah tidak mandatori bagi kesalahan yang dihadapkan ke atas perayu.

Hujahan Peguam Perayu

[6] Berkaitan dengan isu (a), peguam perayu berhujah bahawa jurubahasa yang digunakan dalam kes ini merupakan jurubahasa yang dibawa oleh APMM. Penawaran jurubahasa selain daripada yang dihantar oeh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) memerlukan persetujuan pihak-pihak yang terlibat terutamanya perayu dan perkara ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam nota keterangan. Memandangkan tidak diwakili peguam bela maka perayu dianggap tidak memahami isu undang-undang terutamanya berkaitan dengan peruntukan di bawah s. 34 Akta Perikanan 1985.

[7] Berhubung dengan isu (b), peguam perayu menegaskan bahawa pertuduhan ke atas perayu adalah di bawah s. 14(3)(b) Akta Perikanan 1985 yang jelas tidak terkandung di dalam senarai seksyen-seksyen yang dinyatakan dalam s. 52(1)(a) Akta yang sama. Sehubungan dengan itu, perintah pelucuthakan vesel yang dibuat oleh HMS dengan mengguna pakai s. 34 Akta Perikanan 1985 adalah tidak tepat. Selain daripada itu, tiada perintah pelucuthakan vesel dinyatakan di dalam perintah termeterai (rujuk ms. 9 RR Jld 1).

Hujahan Responden

[8] Bagi isu (a), responden berhujah bahawa seorang jurubahasa yang fasih berbahasa Vietnam telah dilantik bagi menterjemahkan prosiding di mahkamah. Apabila pertuduhan dibacakan dan diterangkan kepada perayu,

A beliau telah mengaku salah dan faham kesan dan akibat pengakuannya. Perayu juga faham dan mengakui fakta kes yang diterjemahkan oleh jurubahasa yang dilantik. Perayu telah dihukum ekoran daripada pengakuan salah perayu sendiri.

B **[9]** Bersangkutan dengan isu (b), responden menegaskan bahawa perkara pokok bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas perayu adalah vesel di mana pemilik yang tercatit pada lesen bukan pemilik sebenar vesel. Sehubungan dengan itu, kuasa budi bicara diberikan kepada mahkamah untuk melucuthakkan harta di bawah s. 34 Akta Perikanan 1985 bagi mengekang kesalahan yang serupa dari berterusan.

C

Dapatan Dan Keputusan

Perayu Tidak Memahami Kesan Dan Akibat Pengakuan Salah

[10] Dalam rayuan ini, perayu merupakan seorang warganegara Vietnam dan semestinya khidmat seorang jurubahasa Vietnam diperlukan semasa
D pertuduhan dibacakan dan diterangkan kepada beliau. Perlu dipastikan oleh HMS bahawa perayu faham kesan dan akibat pengakuannya sekiranya perayu mengaku bersalah.

[11] Pada hari perayu dituduh di mahkamah, responden telah menyediakan
E seorang jurubahasa Vietnam yang bernama Encik Salim bin Salleh bagi membantu prosiding kes ini. HMS biasa berurusan dengan Encik Salim kerana beliau pernah sebelum kes ini hadir di hadapan HMS sebagai Jurubahasa Asing Lantikan Mahkamah (JALM) yang dihantar oleh PKPMP untuk bertindak sebagai jurubahasa Vietnam dalam satu kes lain. Sehubungan dengan itu, saya bersependapat dengan HMS bahawa PKPMP telah berpuas
F hati dengan kelayakan Encik Salim menterjemah bahasa Melayu ke bahasa Vietnam dan sebaliknya sebelum melantik beliau sebagai JALM. Dalam masa yang sama, sebelum Encik Salim memulakan tugas beliau sebagai jurubahasa Vietnam dalam kes ini, beliau telah mengangkat sumpah untuk menjalankan penterjemahan dengan benar, sebagaimana yang disyaratkan
G oleh s. 6(1) Akta Sumpah dan Ikrar 1949 (Akta 194).

[12] Dalam kes *Fong Hong Sium v. PP* [1950] 1 LNS 17; [1950] 1 MLJ 293, mahkamah telah membuat keputusan bahawa sekiranya seseorang menjalankan tugas penterjemahan dalam sesuatu prosiding di mahkamah, syarat yang penting adalah orang itu berkeupayaan menterjemah dan
H terjemahan beliau difahami oleh pesalah. Jurubahasa yang dilantik tersebut perlulah mengangkat sumpah sebelum beliau menjalankan tugas terjemahan. Kelayakan sebagai jurubahasa bertauliah untuk menterjemah bukanlah satu keperluan yang dituntut. Mahkamah dalam kes ini telah berucap seperti berikut:

I

> It is the duty of the Court to find an interpreter for the language required, and the Court must be satisfied that the interpreter is competent to do his work efficiently. If the interpreter is an official interpreter of a Court, or a certified interpreter in the employment of any Government in the

Federation, and if he is "engaged in the performance of his duties", then by virtue of section 4(2) of the Oaths and Affirmations Ordinance, 1949, it is not necessary to swear the interpreter. In any other case, however, it is a statutory requirement that he should be sworn (see section 4(1) (b) of the Ordinance). Even though he is interpreting in a language in which he is not officially qualified, a Court interpreter will be "engaged in the performance of his duties", since it is the duty of such interpreters to do the work of interpretation in all languages in which they are competent to interpret, notwithstanding the lack of an official qualification. It is a general rule of practice that, unless the interpreter is officially qualified in the language, the Court should ascertain that he can understand, and be understood by the accused with sufficient ease to enable the proceedings to be properly conducted. **The most convenient method is to allow him to talk for a few moments with the accused and to enquire whether they can so understand one another**. When the Court is satisfied of this, it should be incorporated in the record before the evidence is recorded. There are, of course, cases when this would be quite unnecessary, for example, if both the accused and interpreter are Siamese and are speaking Siamese and the interpreter is fluent in English. When, either by reason of the interpreter being officially qualified or in such manner as is described above, it is established that the interpreter is competent to do his work as such, he must then, unless exempted under the provisions of section 4(2) of the Ordinance, be sworn, and an omission to do this is an illegality. As the interpreter in this case was not an official Court interpreter, or a certified interpreter in the employment of Government, the omission to swear him was an incurable defect, and it was on this ground that I was obliged to allow the appeal and set aside the conviction and sentence. *If the interpreter had sworn to his ability to understand and be understood by the appellant, and had been duly sworn as Interpreter, the appellant would have found it very difficult to persuade me that he was not adequately interpreted*.

(penekanan ditambah)

[13] Sehubungan dengan ini, keupayaan atau kebolehan jurubahasa Vietnam menterjemahkan segala prosiding di dalam kes ini tidak sepatutnya dipertikaikan oleh pihak perayu kerana Encik Salim telah mengangkat sumpah untuk menjalankan penterjemahan secara benar dan adil. Perkara ini disokong oleh pengalaman HMS sendiri dalam kes yang lain yang telah diputuskan oleh beliau.

[14] Selain dari isu (a), peguam perayu turut membangkitkan dakwaan bahawa perayu telah membuat pengakuan yang perayu tidak tahu mengenai ubah suai nombor vesel sebagaimana pertuduhan sekali gus terjumlah kepada pengakuan bersyarat (qualified plea).

[15] Lanjutan daripada dapatan saya sebelum ini, maka saya perlu melihat kepada prosedur yang telah ditetapkan oleh Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) berhubung dengan penerimaan pengakuan salah perayu khususnya sebagaimana yang diperuntukkan di dalam s. 173(b) KTJ yang berbunyi seperti berikut:

A If the accused pleads guilty to the charge, whether as originally framed or as amended, the plea shall be recorded and he may be convicted on it and the Court shall pass sentence according to law:

Provided that before a plea of guilty is recorded the Court shall ascertain that the accused understands the nature and
B consequences of his plea and intends to admit, without qualification, the offence alleged against him.

[16] Maka adalah penting untuk saya melihat sama ada pengakuan salah yang dibuat oleh perayu di hadapan HMS telah memenuhi kehendak yang termaktub di bawah s. 173(b) KTJ. Untuk ini, saya menerima pakai garis
C panduan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Agong dalam kes *Lee Weng Tuck & Anor v. PP* [1989] 2 CLJ 120; [1989] 1 CLJ (Rep) 75; [1989] 2 MLJ 143 seperti berikut:

A plea of guilty must be valid and unequivocal, and in order to determine the validity of a plea of guilty, the safeguards which must be followed
D might be stated as follows:

(i) The court must ensure that is the accused himself who wishes to plead guilty. Thus in *R v. Tan Thian Chai & Anor* [1932] MLJ 74, Whitley J held that an accused person should plead guilty or claim to be tried by his own mouth and not through his counsel.

E (ii) The court must ascertain that the accused understands the nature and consequences of his plea.

(iii) The court must ascertain that the accused intends to admit without qualification the offence alleged against him.

F **[17]** Lanjutan daripada pengakuan salah perayu dalam rayuan ini dan peruntukan di bawah s. 173(b) KTJ maka saya juga perlu melihat sama ada isu (a) yang dibangkitkan oleh perayu terjumlah kepada keadaan yang membolehkan rayuan perayu dipertimbangkan oleh saya berasaskan kepada s. 305 KTJ, "there shall be no appeal except as to the extent or legality of the sentence" (rujuk kes *PP v. Muhammad Kasyfullah Kassim* [2017] 1 CLJ 63;
G [2016] 6 MLJ 567). Dalam keadaan ini, saya berpaut kepada keputusan Mahkamah Agong dalam kes *Sau Soo Kim v. PP* [1975] 1 LNS 158; [1975] 2 MLJ 134 berbunyi seperti berikut:

But, where an accused person is not represented by Counsel at trial, then perhaps an Appellate Court should peruse the record of trial carefully to
H satisfy itself that there has been no irregularity giving rise to miscarriage of justice. Being unrepresented, he would not have the benefit of legal advice. It is proper in such a situation to correct miscarriage justice arising from any misconception of law, irregularity of procedure or apparent harshness of treatment resulting in injury or undue hardship to such an accused.

I **[18]** Sehubungan dengan itu, saya telah buat semakan dalam nota keterangan (rekod rayuan jld 2 (a)) dan alasan penghakiman di mana saya dapati HMS telah menyatakan bahawa perayu telah mengaku salah secara

sendiri. Perayu telah diterangkan tentang hukuman yang boleh dijatuhkan ke atas perayu dan juga fakta bahawa bot yang dinaiki oleh perayu pada masa kejadian bersama segala peralatan di atasnya boleh dilucut hak jika mereka mengaku salah. Perayu telah mengakui fakta yang dibacakan kepada mereka sebagai benar. HMS sendiri juga telah meneliti fakta kes tersebut dan berpuas hati ia menyokong pertuduhan yang dikemukakan oleh pihak responden ke atas perayu. Jelas kepada saya bahawa semasa peringkat rayuan untuk meringankan hukuman (mitigation), perayu mengatakan bahawa beliau tidak tahu mengenai ubah suai nombor vesel iaitu selepas perayu mengaku salah dan mengakui fakta kes setelah dibacakan bukan merupakan pengakuan bersyarat. Dalam kes *Nesa Gandh Batumalai v. PP* [2018] 10 CLJ 562 telah diputuskan seperti berikut:

> [18] A crucial aspect of a plea of guilt is the ascertainment by the trial judge that the accused understands the nature and consequences of his plea and intends to admit without qualification the offence alleged against him.
>
> [19] At the court below, after the appellant indicated that he wanted to plead guilty, the charge was read to the appellant on two separate occasions. First, it was on 8 August 2017 where the charge was read and the consequences of his plea was explained to him. The second time the charge was read was on the following day 9 August 2017. The consequences of his plea was explained to him once again. He maintained his plea of guilt.
>
> [20] It is therefore the finding of this court that the plea of guilt was unqualified and entered into by the applicant in accordance with law. From a perusal of the appeal records, clearly there was no misapplication of law that occasioned any miscarriage of justice as reminded in *Sau Soo Kim (supra)*.

[19] Hasil daripada pemerhatian saya di atas, saya berpendapat bahawa keputusan HMS dalam mensabitkan perayu dengan kesalahan yang dipertuduhkan adalah jelas, sempurna dan sah. Saya tidak nampak sebarang kecacatan ke atas keputusan HMS yang boleh mendatangkan ketidakadilan atau memprejudiskan perayu.

[20] Berkaitan dengan tiada perintah pelucuthakan vesel dinyatakan di dalam perintah termeterai yang dibangkitkan oleh peguam perayu, saya telah meneliti nota keterangan khususnya pada RR Jld 2(a) di ms. 5 jelas tercatit seperti berikut:

> Ekshibit P16 hingga P26 dan juga P28 dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia. Hasil lelongan yang dikemuka melalui resit ekshibit P27 juga dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia
>
> t.t
>
> Azman bin Mustapha

[21] Memandangkan terdapatnya perintah berkaitan dengan pelucuthakan vesel (P16) dinyatakan dengan jelas dalam nota keterangan dan ditandatangani oleh HMS, maka saya berpendapat bahawa ketiadaan perintah pelucuthakan harta di dalam perintah termeterai adalah tidak disengajakan dan tidak mencacatkan perintah asal yang dibuat oleh HMS.

Pelucuthakan Vesel

[22] Berhubung kait dengan isu (b), peguam OKT telah menarik perhatian saya bahawa hanya s. 52(1)(a) Akta Perikanan 1985 yang mana apabila terbuktikan sesuatu kesalahan, maka vesel yang ditahan hendaklah dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia. Seksyen 52(1)(a) Akta Perikanan menyatakan seperti berikut:

> 52. Forfeiture and disposal of vessel, etc.,
>
> (1) Where any person is found guilty of any offence:
>
> (a) Under paragraph 8(a), subsection 11(3), 15(1) Or section 26; and
>
> (b) For the contravention of any condition of licence relating to permitted fishing areas under the licence,
>
> the court **shall**, in addition to any other penalty that may be imposed:
>
> (1) order that the vessel (including its equipments, furniture, appurtenances, stores, cargo and fishing appliances), vehicle, article or thing used in the commission of such offence or in relation to which such offence has been committed be forfeited (penekanan ditambah)

[23] Peguam perayu seterusnya menegaskan bahawa kesalahan yang dipertuduhkan ke atas perayu iaitu kesalahan di bawah s. 14(3)(b) Akta Perikanan 1985 jelas tidak terkandung di dalam senarai seksyen-seksyen yang dinyatakan di s. 52(1)(a) Akta yang sama yang mewajibkan pelucuthakan dibuat.

[24] Saya tidak boleh menafikan bahawa kesalahan yang dipertuduhkan ke atas perayu iaitu di bawah s. 14(3)(b) dan ia tidak tergolong dalam seksyen-seksyen yang dinyatakan di dalam s. 52(1)(a). Walau bagaimanapun terdapat s. 34 Akta Perikanan 1985 yang membolehkan mahkamah menggunakan budi bicara dalam membuat perintah pelucuthakan vesel yang terlibat dengan kesalahan. Selagi dapat dibuktikan mahkamah memberikan sebab yang munasabah dan mewajarkan perintah pelucuthakan vesel dibuat, maka saya berpendapat pemakaian s. 34 Akta Perikanan 1985 tidak menyalahi undang-undang.

[25] Dalam kes ini, HMS telah menyatakan bagi tujuan mengekang kesalahan yang serupa dengan kes ini berterusan, maka HMS telah memerintahkan supaya vesel dan barangan lain disita dan dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia. Faktor penentu adalah sama ada HMS berpuas hati bahawa kapal tersebut adalah subjek atau digunakan dalam melakukan

sesuatu kesalahan. Tidak diragui bahawa, walaupun pertuduhan bukan di bawah peruntukan yang dinyatakan dalam s. 52 tetapi vesel tersebut digunakan dalam melakukan kesalahan memasuki perairan Malaysia dengan menggunakan huruf, nombor dan cara pengenalan suatu vesel penangkapan ikan yang lain. Oleh itu, mahkamah mempunyai kuasa untuk memerintahkan pelucuthakan vesel tersebut sebagaimana diperuntukkan di dalam s. 34 Akta Perikanan 1985.

[26] Dalam mempertahankan dapatan saya di atas, saya bergantung sepenuhnya kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Tan Van Chieu & Ors v. PP* [2016] 6 CLJ 841 seperti berikut:

> [55] In our judgment, whether there should be an order for the vessel to be disposed of or forfeited or otherwise under s. 34 of the Fisheries Act, the determining factor is whether the court is satisfied that the vessel was either the subject-matter or was used in the commission of an offence. It is further our judgment that an order for forfeiture or disposal may be made by the court under s. 34 notwithstanding that the DPP has made no application for the forfeiture or disposal of the vessel.
>
> [56] We take note that under s. 52 of the Fisheries Act, by the use of the word "shall", it is mandatory for the court to order the forfeiture of the vessel where certain offences had been committed. Section 52 states:
>
> Forfeiture and disposal of vessel, etc.
>
> 52. (1) Where any person is found guilty of any offence:
>
> (a) under paragraph 8(a), subsections 11(3), 15(1) or section 26; and
>
> (b) for the contravention of any condition of licence relating to permitted fishing areas under the licence, the court shall, in addition to any other penalty that may be imposed:
>
> (i) order that the vessel (including its equipment, furniture, appurtenances, stores, cargo and fishing appliance), vehicle, article or thing used in the commission of such offence or in relation to which such offence has been committed be forfeited; and
>
> (ii) order that any fish caught in the commission of such offence or proceeds of the sale of any fish or other article or a perishable nature referred to in section 48, and any explosive, poison, pollutant, apparatus or prohibited gear used or intended to be used in the commission of such offence be forfeited.
>
> (2) Any vessel (including its equipment, furniture, appurtenances, stores, cargo and fishing appliance), vehicle, article, thing, explosive, poison, pollutant, apparatus, prohibited gear or fish ordered to be forfeited under subsection (1) or deemed or ordered to be forfeited under section 49 shall be disposed of in such manner as the Director General may think fit and consistent with any scheme for the limitation of fishing effort.

A

> [57] There is no doubt that in the present case, although the charge was not under the provisions stated in s. 52 above, the fishing vessel was used in the commission of the offence *to wit*, entering Malaysian waters without informing the Malaysian authorities in contravention of s. 16(3) of the Fisheries Act. In our view, the court therefore has the power to order the forfeiture of the vessel. We thus find no error on the part of the learned
>
B
>
> Judicial Commissioner in affirming the order made by the learned Magistrate in respect of the said vessel.

[27] Berlandaskan kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Tan Van Chieu & Ors* dan alasan yang diberikan oleh HMS dalam membuat perintah pelucuthakan ke atas vesel di bawah s. 34 Akta Perikanan 1985,
C
adalah menjadi keputusan saya bahawa rayuan perayu berkaitan isu (b) adalah tidak bermerit.

Rayuan Ke Atas Hukuman

[28] Saya telah meneliti hujahan bertulis peguam perayu dan saya dapati
D
tidak ada hujahan berkaitan dengan rayuan ke atas hukuman. Begitu juga semasa klarifikasi di hadapan saya, peguam perayu juga tidak berhujah secara lisan berkaitan dengan rayuan ke atas hukuman. Walau bagaimanapun, rayuan perayu terhadap hukuman jelas dinyatakan di dalam notis rayuan bertarikh 20 Jun 2018 (rujuk rekod rayuan jld 1 di ms. 2-3).

E
[29] Walau bagaimanapun, saya berpendapat adalah wajar saya membincangkan secara ringkas sama ada saya perlu mengekalkan hukuman yang dikenakan ke atas perayu oleh HMS atau sebaliknya.

[30] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang
F
mendengar rayuan tidak akan mengubah atau mengganggu bentuk dan tempoh hukuman yang dibuat oleh mahkamah yang membicara selagi ia mematuhi prinsip undang-undang berkaitan dengan hukuman kecuali hukuman tersebut terlalu ringan (manifestly inadequate) atau terlalu berat (manifestly excessive) (rujuk kes *PP v. Sulaiman Ahmad* [1992] 4 CLJ 2283; [1992] 3 CLJ (Rep) 447; [1993] 1 MLJ 74; *Adam Atan v. PP* [2009]
G
1 CLJ 33; [2008] 2 MLRA 600).

[31] Dalam menentukan situasi yang membolehkan mahkamah yang mendengar rayuan wajar campur tangan dan mengganggu hukuman yang telah dijatuhkan oleh mahkamah rendah, saya bergantung kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *PP v. Ling*
H
Leh Hoe [2015] 4 CLJ 869 seperti berikut:

(i) the sentencing judge had made a wrong decision as to the proper factual basis for the sentencing;

(ii) there had been an error on the part of the trial judge in appreciating
I
the material facts placed before him;

(iii) the sentence was wrong in principle; or

(iv) the sentence imposed was manifestly excessive or inadequate.

[32] Dalam masa yang sama, adalah penting untuk memastikan bahawa mahkamah rendah memberi pertimbangan kepada sifat kesalahan, keadaan bagaimana kesalahan itu dilakukan, adakah ia melibatkan keganasan dan juga latar belakang pesalah sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Mohamed Jusoh Abdullah & Anor v. PP* [1947] 1 LNS 73; [1947] 13 MLJ 130 seperti berikut:

> In our view no sentence can be assessed by a simple mathematical formula. Many factors must be taken into account according to the circumstances of each individual case. In that respect we would draw attention to the matters which should be taken into account in fixing punishments as set out in *Halsbury's Laws of England* (Hailsham Edition) volume 9, para 365:
>
> > The Court, in fixing the punishment for any particular crime, will take into consideration the nature of the offence, the circumstances in which it was committed, the degree of deliberation shown by the offender, the provocation which he has received, if the crime is one of violence, the antecedents of the prisoner up to the time of sentence, his age and character.

[33] Cadangan yang sama telah diperkatakan dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256 seperti berikut:

> In respect of sentencing there can be only general guidelines. No two cases can have exactly the same facts to the minutest detail. Facts do differ from case to case and ultimately each case has to be decided on its own merits. In practice sentences do differ not only from case to case but also from court to court. All things being equal these variations are inevitable if only because of the human element involved. But, of course, there must be limits to permissible variations.

[34] Dalam apa jua keadaan sekali pun, dalam menentukan bentuk hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan, mahkamah perlu memberikan pertimbangan yang sewajarnya ke atas kepentingan awam sebagaimana diucapkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Iwan Bujang Dara & Anor v. PP* [2017] 1 LNS 285; [2017] MLJU 283 seperti berikut:

> But the court is not only concerned with the plea in mitigation in passing sentence. No matter how strong the plea in mitigation is in favour of a lenient sentence, the court's overriding consideration has always been and will always be the public interest.

[35] Berbalik kepada rayuan perayu ke atas hukuman dan setelah mengambil kira nas undang-undang di atas, saya meneliti alasan penghakiman HMS berkaitan dengan hukuman ke atas perayu. Saya dapati HMS telah mengambil kira bahawa kejadian pencerobohan ke atas perairan perikanan Malaysia oleh nelayan asing semakin meningkat dari masa ke masa. Ekoran daripada pencerobohan ini, negara mengalami kerugian puluhan juta Ringgit Malaysia. Mengambil kira keadaan ini, HMS berpendapat bahawa hukuman yang berbentuk pengajaran patut diberikan dan kepentingan awam wajib dipelihara.

[36] Setelah diperhalusi alasan penghakiman HMS berkaitan hukuman, saya berpuas hati bahawa hukuman yang dikenakan ke atas perayu adalah munasabah, dalam lingkungan bentuk hukuman yang ditetapkan dalam s. 25(a) Akta Perikanan 1985, tidak terlalu ringan dan tidak terlalu berat dan sah. Sehubungan dengan itu, tidak ada sebab untuk saya mengganggu atau mengubah hukuman yang telah dijatuhkan oleh HMS ke atas perayu.

Kesimpulan

[37] Setelah meneliti keseluruhan rekod rayuan, alasan penghakiman HMS dan berpaksikan kepada peruntukan undang-undang di dalam Akta Perikanan 1985, saya membuat keputusan bahawa rayuan perayu tidak bermerit. Sehubungan dengan itu, tidak ada sebab untuk saya campur tangan atau mengubah keputusan yang telah dibuat oleh HMS. Maka dengan ini, rayuan perayu ditolak.